

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B TUAN SIM TONG HIM [ KOTA MELAKA ]**  
**TARIKH : 14.10.2014**  
**SOALAN :**

**Tuan Sim Tong Him [ Kota Melaka ] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan :-**

- (a) nama-nama sepuluh sekolah yang tertua di negara kita dan adakah kesemua sepuluh sekolah tersebut telah diwartakan sebagai kekal kedudukannya; dan
- (b) apakah keputusan tentang cadangan perpindahan SM Tinggi Melaka, Bandar Hilir Melaka ( MEB 2090 ) ke tapak baru dan bilakah permohonan perpindahan sekolah ini dikemukakan dan oleh pihak mana.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Pada dasarnya keperluan sebuah sekolah bergantung kepada keperluan komuniti setempat. Sesebuah sekolah mungkin tidak akan kekal kedudukannya di tapak asal. Bagi bangunan sekolah yang telah diwartakan sebagai bangunan warisan, sekolah tersebut akan dikekalkan berdasarkan Akta Bangunan Warisan.

Sekolah yang tertua ditubuhkan ialah SMK Penang Free di Pulau Pinang seawal 21 Oktober 1816. Sembilan lagi sekolah yang tertua berdasarkan tarikh tubuhnya sekolah berkenaan ialah:

1. SK Matang Gelugor, Perak
  2. SK Sg Gelugor, Pulau Pinang
  3. SMK Tinggi Melaka, Melaka
  4. SK Telok Pial, Perak
  5. SMK St Mary (M), Sarawak
  6. SK St Mary (M), Sarawak
  7. SMK St Thomas (M), Sarawak
  8. SK St Thomas (M), Sarawak
  9. SK Convent Lebu Light, Pulau Pinang
- (b) Permohonan cadangan perpindahan SMK Tinggi Melaka, Bandar Hilir Melaka (MEB2090) telah dibuat oleh pihak Kerajaan Negeri Melaka melalui Mesyuarat Kerajaan Negeri Melaka Bilangan 11/2014 yang bersidang pada 2 April 2014. Walau bagaimanapun cadangan perpindahan tersebut telah dibatalkan oleh Kerajaan Negeri Melaka.